

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 10/10/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 17

ACO-Fiji akan jalin kerjasama kukuhkan pasaran koperasi



ABDUL FATTAH (duduk tiga dari kiri) bersama Nailatikau (duduk di tengah) bergambar di ibu pejabat Angkasa di Petaling Jaya semalam.

PETALING JAYA – Organisasi Koperasi ASEAN (ACO) akan menjalinkan kerjasama dengan negara Fiji dalam usaha mengukuhkan lagi strategi pasaran koperasi ke peringkat antarabangsa.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdulla berkata, kerjasama yang bakal dijalinkan bersama negara berkenaan adalah dari segi sosial dan ekonomi.

“Kekuatan kita adalah daripada produk makanan halal serta kewangan Islam dan mereka (Fiji) boleh mempelajari kepakaran ini.

“Kekuatan Fiji pula dalam sektor pelancongan dan perikanan. Kita boleh mengambil kepakaran mereka dalam bidang ini jika bersesuaian,” katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat Ang-

katan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) di sini semalam.

Terdahulu, beliau menerima kunjungan hormat Duta Khas kepada Perdana Menteri Fiji, Sir Ratu Epeli Nailatikau dan Pesuruhjaya Tinggi Fiji ke Malaysia, Kolinio Takali.

Abdul Fattah yang juga Presiden Angkasa memberitahu, jalinan kerjasama dengan Fiji juga boleh menjadi platform untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam membangunkan koperasi serta menggalakkan perdagangan antara dua negara.

Katanya, antara program yang boleh dilakukan di Malaysia atau Fiji termasuklah latihan, kursus, seminar dan persidangan.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia